



**PEKELILING PENTADBIRAN
BILANGAN 47 TAHUN 2024**

**PERATURAN LALU LINTAS
DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
PINDAAN 2024**

Pejabat Pendaftar

20 Disember 2024 | 18 Jamadilakhir 1446H

Disalinkan kepada:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Penolong Naib Canselor (Strategik dan Kelestarian Global)

Pegawai-Pegawai Kanan

YDP Majlis Perwakilan Pelajar

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTEM100-1/3/1 JLD. 2 (78)

20 DISEMBER 2024
18 JAMADILAKHIR 1446H

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 47/2024

PERATURAN LALU LINTAS DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA PINDAAN 2024

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berhubung pindaan kadar bayaran denda kesalahan lalu lintas dan kunci tayar di dalam Peraturan Lalu Lintas di Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang telah mendapat kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 9 Tahun 2024 pada 28 November 2024.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Penguatkuasaan peraturan lalu lintas diselaraskan melalui Pekeliling Pentadbiran Bilangan 35 Tahun 2013, Penguatkuasaan Peraturan Lalu Lintas di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).
- 2.2 Pindaan Peraturan ini dapat menyelesaikan masalah berbangkit seperti berikut;
- i. kadar denda kesalahan lalu lintas dan kunci tayar di UTeM tidak lagi sesuai dikekalkan memandangkan kadar yang ditetapkan adalah yang terendah dalam kalangan Universiti MTUN dan antara yang terendah berbanding 14 buah Universiti Awam lain;
 - ii. kadar denda yang rendah telah mengakibatkan jumlah kesalahan yang direkodkan tidak menunjukkan penurunan atau kesedaran dalam kalangan pemandu kenderaan motor di UTeM dengan jumlah kesalahan lalu lintas terkumpul bagi tahun 2024 (sehingga bulan Jun) adalah 2,473;

- iii. bagi memastikan wujud kesedaran dalam kalangan pemandu dan pemilik kenderaan, kadar denda yang dikenakan perlu dinaikkan dan tempoh pembayaran perlu dipendekkan;
- iv. kadar denda kesalahan lalu lintas hanya dikekalkan bagi hari pertama pembayaran dengan jumlah bayaran RM10.00. Selain itu, denda kesalahan kunci tayar pada hari pertama dikekalkan dengan jumlah bayaran RM30.00; dan
- v. bagi menyemarakkan kesedaran pemandu dan pemilik kenderaan motor, kadar bayaran denda bagi hari kedua hingga ketujuh ditingkatkan ke RM30.00, manakala kadar bayaran denda kunci tayar ditingkatkan ke RM50.00.

2.3 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 9 Tahun 2024 yang bersidang pada 28 November 2024 telah bersetuju untuk melaksanakan pindaan kadar bayaran denda kesalahan lalu lintas dan kunci tayar di dalam Peraturan Lalu Lintas di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

3.0 PELAKSANAAN

3.1 Pindaan kadar bayaran denda kesalahan lalu lintas dan kunci tayar akan melibatkan penambahan jadual seperti berikut;

- i. Jadual Jenis Kesalahan Dan Kadar Bayaran Denda Lalu Lintas Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).
- ii. Jadual Jenis Kesalahan Dan Kadar Bayaran Denda Kunci Tayar Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

3.2 Pindaan kadar bayaran denda kesalahan lalu lintas dan kunci tayar melibatkan pindaan perkataan, frasa dan ayat di 23 sub-peraturan, serta penambahan 4 perenggan sub-peraturan di dalam Peraturan Lalu Lintas di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

3.3 Pindaan kadar bayaran kesalahan lalu lintas adalah seperti berikut;

TEMPOH/HARI	DENDA SEMASA (RM)	KADAR BAHARU (RM)
1 hari	10	10
2-7 hari		30
8 – 14 hari	30	60
15 hari seterusnya	50	90

3.4 Pindaan kadar denda kunci tayar kesalahan lalu lintas seperti berikut;

TEMPOH/HARI	DENDA SEMASA (RM)	KADAR BAHARU (RM)
1 hari	30	30
2-7 hari		50
8 – 14 hari		70
15 hari seterusnya		100

3.5 Dilampirkan bersama Peraturan Lalu Lintas di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Pindaan 2024.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

4.1 Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



MASDZARIF BIN MAHAT

Ketua Pegawai Operasi

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

PERATURAN LALU LINTAS UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
PINDAAN 2024

SUSUNAN

PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan Pemakaian
2. Tafsiran
3. Kebenaran Memiliki, Menggunakan Atau Menyimpan Kenderaan Motor Di Kawasan Kampus
4. Kesalahan Lalu Lintas
5. Tindakan Penguatkuasaan
6. Pelekat Kenderaan Motor
7. Keselamatan Kenderaan
8. Pelepasan Tanggungjawab
9. Kadar Bayaran Denda
10. Akta, Kaedah dan Peraturan Lain Yang Terpakai
11. Tarikh Berkuatkuasa

Lampiran 1 : Jadual Jenis Kesalahan Dan Kadar Bayaran Denda Lalu Lintas Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Lampiran 2 : Jadual Jenis Kesalahan Dan Kadar Bayaran Denda Kunci Tayar Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka

PERATURAN LALU LINTAS UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM) PINDAAN 2024

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 38(1) Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka P.U (A) 470/2011, Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka dengan ini membuat peraturan berikut;

1.0 NAMA DAN PEMAKAIAN

- 1.1 Peraturan ini boleh dinamakan Peraturan Lalu Lintas Universiti Teknikal Malaysia Melaka Pindaan 2024.
- 1.2 Peraturan ini hendaklah terpakai kepada semua Pegawai Kanan, Staf, Pelajar, Pekerja Bukan Staf (PBS), Kontraktor dan Pelawat yang berada di kawasan kampus Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2.0 TAFSIRAN

- 2.1 Dalam Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

“isyarat lalu lintas” termasuk apa-apa isyarat, tiang tanda amaran, tiang arahan, tanda atau alat yang didirikan di atas atau berhampiran dengan jalan untuk makluman, panduan atau arahan untuk orang - orang yang menggunakan jalan;

"kawasan kampus" ertinya kawasan kampus UTeM termasuk tanah, bangunan, kolej kediaman yang ada di dalam :-

- i) Kampus Induk UTeM;
- ii) Kampus Teknologi UTeM;
- iii) Kolej Kediaman UTeM; dan
- iv) Mana-mana kawasan kampus dan Kolej Kediaman UTeM yang didirikan dari semasa ke semasa.

"kenderaan" ertinya suatu struktur yang boleh bergerak atau digerakkan atau digunakan bagi membawa mana-mana orang, barang atau bagasi dan yang bersentuhan dengan permukaan bumi apabila bergerak;

"kenderaan motor" ertinya tiap-tiap perihal kenderaan yang digerakkan oleh jentera mekanisme yang terkandung di dalam badan kenderaan itu dan dibina atau disesuaikan supaya boleh digunakan di atas jalan dan termasuklah apa-apa kenderaan yang ditarik oleh sesuatu kenderaan motor sama ada atau tidak bahagian dari kenderaan yang ditarik itu menindih atas kenderaan motor yang menarik;

"Kolej Kediaman" ertinya apa-apa perumahan, baik apapun dinamakan, yang disediakan oleh UTeM untuk kediaman pelajar- pelajar;

"Kontraktor" ertinya individu/beberapa individu termasuk pekerja atau ejen dari entiti perniagaan/syarikat yang melaksanakan pembekalan barang/kerja/perkhidmatan di kampus dengan kebenaran pihak UTeM;

"LMM" ertinya Lesen Memandu Malaysia;

"meletak kenderaan" ertinya membawa sesuatu kenderaan kepada keadaan yang tidak bergerak dan menyebabkan kenderaan itu menunggu bagi apa-apa maksud selain mengambil atau menurunkan dengan serta merta orang, barangan atau bagasi;

"parkir khas" ertinya lot parkir kenderaan yang diperuntukkan kepada kenderaan UTeM, Pegawai Kanan UTeM dan orang kurang upaya;

"Pegawai Kanan" ertinya Canselor, Pro-Canselor, ahli Lembaga Pengarah UTeM yang bukan staf, Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Penolong Naib Canselor, Ketua Pegawai Operasi, Bendahari, Penasihat Undang-Undang, Ketua Pegawai Digital, Dekan, Pengarah Pejabat/Pusat atau pemegang apa-apa jawatan yang diwujudkan oleh pihak UTeM dari semasa ke semasa;

"Pegawai Keselamatan" ertinya semua staf keselamatan yang dilantik oleh pihak berkuasa UTeM dan ditugaskan mengawal keselamatan di dalam kawasan kampus termasuk kawalan keselamatan lalu lintas;

"Pekerja Bukan Staf" ertinya seseorang bukan staf UTeM yang menjalankan sesuatu kerja di dalam kawasan kampus;

"Pekeliling Pentadbiran" ertinya Pekeliling Pentadbiran yang dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftar;

"Pelajar" ertinya seseorang pelajar yang mengikuti kursus pengajian di Universiti untuk suatu Ijazah atau Diploma termasuk Pascasiswazah dan Diploma Lepas Ijazah;

"Pelawat" ertinya mana-mana orang yang datang melawat atau mana-mana orang bukan Staf, Pelajar, Pekerja Bukan Staf (PBS) dan Kontraktor UTeM yang menggunakan apa-apa kemudahan di mana-mana ruang atau bangunan di kawasan kampus;

"pelekat kenderaan" ertinya pelekat kenderaan motor yang dikeluarkan oleh Pejabat Keselamatan UTeM;

"Pengarah Keselamatan" ertinya seseorang pegawai yang mengetuai Pejabat Keselamatan, UTeM;

"Sistem Pengurusan Keselamatan Universiti" ertinya suatu sistem yang digunakan di Pejabat Keselamatan UTeM;

"Staf" ertinya mana-mana orang yang diambil kerja oleh UTeM sama ada secara tetap, kontrak, sementara, sambilan, dan termasuk seseorang yang berkhidmat di UTeM secara pinjaman yang dibayar emolomen oleh UTeM; dan

"UTeM" ertinya Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

3.0 KEBENARAN MEMILIKI, MENGGUNAKAN ATAU MENYIMPAN KENDERAAN MOTOR DI KAWASAN KAMPUS

- 3.1 Pegawai Kanan, Staf, Pelajar, Pekerja Bukan Staf (PBS) dan Kontraktor yang memiliki, menggunakan atau menyimpan kenderaan motor di kawasan kampus hendaklah melalui proses kelulusan di dalam Sistem Pengurusan Keselamatan Universiti (SPKU).
- 3.2 Polis Bantuan, Pegawai Keselamatan hendaklah memastikan pemilik/pemandu kenderaan motor yang memohon pelekat kenderaan mempunyai lesen memandu dan cukai jalan yang sah.
- 3.3 Pegawai Kanan, Staf, Pelajar, Pekerja Bukan Staf (PBS) dan Kontraktor setelah diluluskan permohonan hendaklah mempamerkan pelekat kenderaan di cermin kiri bahagian hadapan kenderaan motor atau mana-mana bahagian hadapan yang mudah dilihat.
- 3.4 Mana-mana pelawat Universiti yang menggunakan kenderaan motor di kawasan kampus untuk satu-satu tempoh yang singkat tanpa pelekat kenderaan hendaklah mendapatkan kebenaran Naib Canselor atau Pengarah Keselamatan.

4.0 KESALAHAN LALU LINTAS

- 4.1 Mana-mana pemandu yang memandu atau mengawal sesebuah kenderaan atau kenderaan motor dianggap melakukan kesalahan sekiranya:-
 - a) Tidak membawa bersama LMM atau cukai jalan yang masih sah;
 - b) Tiada LMM;
 - c) Tiada cukai jalan;
 - d) Tidak mempamerkan atau tidak mempunyai pelekat kenderaan motor

yang masih sah tempoh;

- e) Tidak memakai topi keledar atau tali pinggang keledar;
- f) Membawa pembonceng motosikal melebihi seorang;
- g) Membawa pembonceng atau penumpang bagi pemegang Lesen L;
- h) Meletak kenderaan atau kenderaan motor di tempat-tempat seperti berikut:
 - i. kawasan larangan meletak kenderaan;
 - ii. ruang parkir khas;
 - iii. garisan kuning/petak kuning;
 - iv. persimpangan jalan atau bahu jalan;
 - v. kaki lima bangunan;
 - vi. mana-mana bahagian bangunan yang tidak dibenarkan meletakkan kenderaan; atau
 - vii. mana-mana tempat dengan apa-apa cara yang menyebabkan bahaya dan halangan atau kesusahan kepada mana-mana orang, kenderaan atau kenderaan motor lain.
- i) Memandu atau menunggang melebihi had kelajuan seperti yang ditunjukkan oleh isyarat lalu lintas;
- j) Menggunakan kenderaan motor di dalam kawasan kampus tanpa pelekat kenderaan;
- k) Menghalang atau mengingkari arahan Polis Bantuan, Pegawai Keselamatan di dalam menguatkuasakan Peraturan ini;
- l) Memandu secara cuai, merbahaya atau menyebabkan kemalangan;
- m) Telah merosakkan atau memusnahkan harta benda UTeM atas sebab

vandalisme, kecuaiian atau akibat daripada kesalahan lalu lintas;

- n) Berkelakuan dengan apa-apa cara atau melakukan apa-apa perbuatan yang menghalang atau mengganggu perjalanan lalu lintas yang lancar dan teratur di dalam kawasan kampus;
- o) Gagal mengemukakan LMM untuk diperiksa oleh Polis Bantuan, Pegawai Keselamatan apabila dikehendaki berbuat demikian;
- p) Memandu atau menunggang kenderaan atau kenderaan motor bukan di laluan yang dibenarkan atau memandu kenderaan atau kenderaan motor di atas laluan pejalan kaki, koridor, beranda, kaki lima, bahu jalan, padang permainan atau mana- mana bahagian di dalam bangunan yang dilarang; atau
- q) Apa-apa kesalahan berkaitan lalu lintas lain yang ditafsirkan sebagai suatu kesalahan lalu lintas oleh UTeM.

4.2 Sebagai tambahan, mana-mana Pegawai Kanan, Staf, Pelajar, Pekerja Bukan Staf (PBS), Kontraktor dan Pelawat yang memandu kenderaan motor dengan cuai atau sengaja melakukan vandalisme sehingga menyebabkan kerosakan atau kemusnahan harta benda UTeM seperti di Peraturan 4.1m), maka denda hendaklah disertakan dengan bayaran balik sejumlah wang mengikut nilai harta benda yang dirosakkan atau dimusnahkan.

5.0 TINDAKAN PENGUATKUASAAN

5.1 Mengeluarkan Notis Denda.

- a) Salinan asal Notis Denda dikeluarkan dan diserahkan kepada pemilik/pemandu kenderaan motor yang melakukan kesalahan, atau diletakkan pada kenderaan motor.

- b) Maklumat berkaitan kesalahan akan dimasukkan ke dalam Sistem Pengurusan Keselamatan Universiti (SPKU).
- c) Bayaran denda boleh dibuat secara atas talian atau di kaunter Pejabat Keselamatan/Pejabat Bendahari secara tanpa tunai (*cashless*).
- d) Semua bayaran denda hendaklah dibayar dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Notis Denda dikeluarkan kecuali bagi kategori pelajar dengan had tempoh sehingga empat belas (14) hari sahaja.
- e) Pengurangan bayaran denda bagi kesalahan lalu lintas di bawah Peraturan ini adalah tertakluk kepada budi bicara Pengarah Keselamatan.

5.2 Kunci Tayar

- a) Polis Bantuan, Pegawai Keselamatan boleh mengenakan tindakan kunci tayar ke atas mana-mana kenderaan motor yang diletakkan di parkir khas atau di lokasi yang tidak dibenarkan.
- b) Polis Bantuan, Pegawai Keselamatan juga pada bila-bila masa boleh mengenakan tindakan kunci tayar pada mana-mana kenderaan yang menimbulkan apa-apa keraguan atau tidak mempunyai pelekot kenderaan motor yang sah bagi tujuan mendapatkan pemilik/pemandu kenderaan motor.
- c) Mana-mana kenderaan motor yang dikunci tayar hendaklah diletakkan notis “Tayar Kenderaan Dikunci” di cermin hadapan sebelah pemandu atau di mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat.
- d) Notis Denda akan dikeluarkan kepada pemilik/pemandu kenderaan motor di kaunter Pejabat Keselamatan.
- e) Pemilik/pemandu kenderaan motor hendaklah membuat pembayaran terlebih dahulu sebelum kunci tayar dibuka.

5.3 Tindakan Selain Denda Dan Kunci Tayar

- a) Kegagalan membayar denda dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan:-
 - i. Tindakan tatatertib boleh diambil ke atas Pegawai Kanan dan Staf oleh Unit Integriti, Pejabat Naib Canselor manakala pelajar oleh Unit Tatatertib Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni.
 - ii. Senarai hitam boleh dikenakan kepada mana-mana Kontraktor, Pekerja Bukan Staf (PBS) atau Pelawat yang mempunyai denda tertunggak melebihi tiga (3) kali. Selain itu, tindakan melarang memasuki kawasan kampus boleh diambil dan tindakan kunci tayar boleh dikenakan sekiranya ingkar.

6.0 PELEKAT KENDERAAN MOTOR

- 6.1 Semua kenderaan motor di kawasan kampus hendaklah mempamerkan pelekat kenderaan yang sah.
- 6.2 Pelekat kenderaan motor adalah kebenaran rasmi yang menunjukkan kelayakan sesebuah kenderaan motor berada di dalam kampus dan menggunakan kemudahan parkir di dalam kawasan kampus. Setiap pelekat kenderaan motor hendaklah ditukar mengikut tahun atau sesi yang ditetapkan oleh Universiti.
- 6.3 Naib Canselor boleh menyenaraihitamkan, membatalkan atau menggantung kemudahan pelekat kenderaan motor bagi suatu tempoh masa yang difikirkan wajar kepada seseorang Pegawai Kanan, Staf, Pelajar, Pekerja Bukan Staf (PBS), Kontraktor dan Pelawat di atas kegagalan menjelaskan denda tertunggak atas mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Peraturan ini.
- 6.4 Seseorang Pegawai Kanan, Staf, Pelajar, Pekerja Bukan Staf (PBS) dan

Kontraktor yang dibatalkan atau digantung kemudahan pelekat kenderaan motor adalah tidak dibenarkan meletakkan kenderaan motor di kawasan kampus bagi suatu tempoh masa kemudahan tersebut dibatalkan atau digantung.

- 6.5 Mana-mana kenderaan motor yang tiada pelekat kenderaan atau pelekat kenderaan telah tamat tempoh tidak dibenarkan menggunakan parkir di kawasan kampus.

7.0 KESELAMATAN KENDERAAN

- 7.1 Keselamatan mana-mana kenderaan motor yang diletakkan di mana-mana kawasan parkir kampus adalah di bawah tanggungjawab pemilik/pemandu kenderaan motor (*park at your own risk*).
- 7.2 Pihak Universiti tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan yang diakibatkan oleh bencana alam, kemalangan, vandalisme, atau apa-apa perbuatan jenayah yang berlaku di dalam kawasan kampus.

8.0 PELEPASAN TANGGUNGJAWAB

- 8.1 Pihak Universiti tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa jua tuntutan oleh pemilik kenderaan motor disebabkan kemalangan dan kerugian yang berpunca daripada ketidaksempurnaan struktur jalan, struktur binaan dan landskap yang berhubung kait dengan kawasan kampus.

9.0 KADAR BAYARAN DENDA

- 9.1 Kadar bayaran denda bagi semua kesalahan lalu lintas di bawah Peraturan ini adalah di antara RM10.00 hingga RM90.00. Jadual jenis kesalahan dan kadar bayaran denda lalu lintas adalah seperti di **Lampiran 1** Peraturan ini.
- 9.2 Kadar bayaran denda bagi kesalahan kunci tayar adalah di antara RM30.00

hingga RM100.00 (tanpa pengurangan). Jadual jenis kesalahan dan kadar bayaran denda kunci tayar adalah seperti di **Lampiran 2** Peraturan ini.

9.3 Pengurangan kadar bayaran denda adalah tertakluk kepada Peraturan 5.1e).

10.0 AKTA, KAEDAH DAN PERATURAN LAIN YANG TERPAKAI

10.1 Peraturan ini hendaklah dipakai bersama-sama dengan peruntukan undang-undang berikut :-

- a) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333);
- b) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000;
- c) Kaedah-Kaedah Universiti dan Kolej Universiti (Universiti Teknikal Malaysia Melaka) (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2024 [P.U.(A) 335] ("KTP UTeM 2024"); dan
- d) Mana-mana undang-undang, kaedah atau peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

10.2 Tiada apa-apa jua peruntukan dalam Peraturan ini boleh mengurangkan tanggungan Pegawai Kanan, Staf, Pelajar, Pekerja Bukan Staf (PBS), Kontraktor dan Pelawat bagi apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang- undang bertulis.

11.0 PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya pekeliling pentadbiran ini, maka Pekeliling Pentadbiran Bil. 35 tahun 2013 (Penguatkuasaan Peraturan Lalu Lintas Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka) adalah dibatalkan.

12.0 TARIKH BERKUAT KUASA

Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa mulai 28 November 2024.

**JADUAL JENIS KESALAHAN DAN KADAR BAYARAN DENDA LALU LINTAS
DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Bil.	Jenis Kesalahan	Bayaran (RM)			
		1 hari	2-7 hari	8-14 hari	15 hari ke atas
1.	Memandu kenderaan tanpa lesen memandu yang sah	10	30	60	90
2.	Menunggang tanpa lesen memandu yang sah	10	30	60	90
3.	Gagal mempamerkan pelekat kenderaan	10	30	60	90
4.	Tidak pameran/ tidak memiliki cukai jalan yang sah	10	30	60	90
5.	Menggunakan kenderaan tanpa kebenaran yang sah	10	30	60	90
6.	Menggunakan telefon bimbit semasa memandu/menunggang kenderaan motor	10	30	60	90
7.	Memandu secara merbahaya	10	30	60	90
8.	Memandu/menunggang dengan cuai hingga menyebabkan kemalangan	10	30	60	90
9.	Memandu/menunggang melawan arus	10	30	60	90
10.	Memandu/menunggang melebihi 30km/j	10	30	60	90
11.	Memandu atau memasuki kawasan larangan	10	30	60	90
12.	Memandu kenderaan tidak di laluan yang diuntukkan	10	30	60	90
13.	Membuat pusingan-U tidak di laluan yang diuntukkan	10	30	60	90
14.	Memotong di sebelah kiri jalan	10	30	60	90
15.	Tidak memasuki lorong yang betul ketika tiba di persimpangan jalan	10	30	60	90
16.	Tidak berhenti ketika pejalan kaki melintas	10	30	60	90
17.	Mengubahsuai nombor pendaftaran kenderaan	10	30	60	90
18.	Mengubahsuai ekzos kenderaan sehingga menyebabkan bunyi bising	10	30	60	90
19.	Kenderaan mengeluarkan asap berlebihan	10	30	60	90
20.	Tidak menghidupkan lampu kenderaan pada waktu malam/gelap	10	30	60	90
21.	Gagal memasang lampu motorsikal pada waktu siang/malam	10	30	60	90
22.	Tiada lampu isyarat/lampu brek/lampu ketiga	10	30	60	90
23.	Tiada cermin sisi	10	30	60	90
24.	Tidak memakai tali pinggang kaledar ketika memandu	10	30	60	90
25.	Menunggang tanpa memakai topi kaledar	10	30	60	90
26.	Membonceng tanpa memakai topi kaledar	10	30	60	90
27.	Membawa pembonceng/penumpang melebihi had	10	30	60	90
28.	Meletakkan kenderaan barang/kenderaan awam di kawasan larangan	10	30	60	90
29.	Kesalahan meletak kenderaan di petak kuning	10	30	60	90
30.	Meletak kenderaan secara menghalang	10	30	60	90

Bil.	Jenis Kesalahan	Bayaran (RM)			
		1 hari	2-7 hari	8-14 hari	15 hari ke atas
31.	Mengadakan tempat letak kenderaan motor/kenderaan tanpa kebenaran	10	30	60	90
32.	Meletakkan kenderaan di bahu jalan	10	30	60	90
33.	Mengadakan parkir khas/parkir khas sementara tanpa kebenaran	10	30	60	90
34.	Meletakkan apa-apa halangan di atas jalan	10	30	60	90
35.	Memandu/menunggang kenderaan motor menggunakan pembahagi jalan	10	30	60	90
36.	Gagal mematuhi arahan yang diberikan oleh orang yang diberi kuasa	10	30	60	90
37.	Gagal mematuhi arahan/isyarat/papan tanda lalu lintas	10	30	60	90
38.	Pejalan kaki tidak mematuhi isyarat lalu lintas	10	30	60	90
39.	Merosakkan peralatan keselamatan lalu lintas	10	30	60	90
40.	Menyediakan dan menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam tanpa lesen sah	10	30	60	90
41.	Menggunakan kenderaan mikromobiliti tidak di laluan yang diuntukkan	10	30	60	90
42.	Gagal memberikan kerjasama kepada Polis Bantuan, Pegawai Keselamatan	10	30	60	90
43.	Lain-lain kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987	10	30	60	90

**Tempoh 15 hari dan ke atas tidak terpakai untuk kategori pelajar berdasarkan Kaedah-Kaedah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Tatatertib Pelajar (2024), Bahagian V, Tatacara Tatatertib, Perkara 65., Kegagalan membayar denda*

**JADUAL JENIS KESALAHAN DAN KADAR BAYARAN DENDA KUNCI TAYAR
DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Bil.	Jenis Kesalahan	Bayaran (RM)			
		1 hari	2-7 hari	8-14 hari	15 hari ke atas
1.	Meletakkan kenderaan motor di parkir khas atau di lokasi/ruang yang tidak dibenarkan	30	50	70	100
2.	Tidak memiliki pelekat kenderaan yang sah	30	50	70	100
3.	Tiada dokumen pengenalan diri (kad pengenalan, kad staf, kad pelajar atau pas keselamatan)	30	50	70	100
4.	Lain-lain kesalahan di bawah Peraturan Lalu Lintas dan Akta Pengangkutan Jalan 1987 dalam keadaan tiada pelekat kenderaan	30	50	70	100

**Tempoh 15 hari dan ke atas tidak terpakai untuk kategori pelajar berdasarkan Kaedah-Kaedah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Tatatertib Pelajar (2024), Bahagian V, Tatacara Tatatertib, Perkara 65., Kegagalan membayar denda.*